

Kempen Pembiayaan Digital PKS 2026

Soalan-Soalan Lazim

Soalan-Soalan Lazim ini disediakan bagi tujuan maklumat umum untuk membantu pemahaman mengenai kempen ini. Untuk maklumat terperinci, sila rujuk kepada Terma & Syarat rasmi (T&Cs) yang tersedia di halaman Promosi Kempen.

1) Apakah Maybank QRPay Soundbox?

Maybank QRPay Soundbox ialah peranti yang memaklumkan perniagaan tentang pembayaran berjaya yang diterima melalui Maybank QRPay. Apabila pembayaran melalui DuitNow QR diterima, Soundbox akan mengumumkan amaun transaksi dalam bahasa yang dipilih serta memaparkannya pada skrin peranti. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web [Maybank QRPay Soundbox](#).

2) Apakah Maybank SME Partner Tools?

Maybank SME Partner Tools ialah rangkaian alat digital dan perkhidmatan rakan kongsi yang ditawarkan oleh Maybank Malaysia untuk membantu PKS mengurus perniagaan dengan lebih cekap, termasuk perisian perakaunan dan e-invois, sistem sumber manusia dan penggajian serta penyelesaian pembayaran/QR. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web [Maybank SME Partner Tools](#).

3) Apakah tawaran di bawah kempen ini?

Kempen ini menawarkan:

- Satu (1) kod promosi bernilai RM199.90 bagi pembelian Maybank QRPay Soundbox ("Soundbox"), terhad kepada lima ratus (500) Pelanggan yang Layak pertama berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat; dan
- Langganan percuma sehingga enam (6) bulan bagi Maybank SME Partner Tools, termasuk Autocount, Bukku, Financio, SQL, Kakitangan dan Mesinkira, tertakluk kepada terma dan syarat rakan penyelesaian (solution partner).

4) Apakah Tempoh Kempen?

Kempen ini berlangsung dari 9 Februari 2026 hingga 31 Mac 2026 (termasuk kedua-dua Tarikh ("Tempoh Kempen")), melainkan dilanjutkan atau ditamatkan lebih awal oleh Maybank.

5) Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

"Pelanggan yang Layak" merujuk kepada:

- i. Pelanggan baharu atau sedia ada Maybank yang menerima kelulusan pembiayaan di bawah Pembiayaan Digital PKS Maybank dan amaun pembiayaan yang diluluskan telah berjaya dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/-i Perniagaan Maybank mereka dalam Tempoh Kempen; dan
- ii. Pelanggan yang telah memberikan persetujuan untuk menerima kod promosi bagi tujuan penebusan hadiah.

6) Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

Langkah 1: Mohon Pembiayaan Digital PKS Maybank melalui Maybank2U

Langkah 2: Sekiranya layak, anda akan menerima emel pemberitahuan dengan butiran penebusan hadiah

7) Adakah sebarang bayaran dikenakan?

Caj penghantaran untuk QRPay Soundbox dan yuran langganan standard untuk alat perniagaan mungkin dikenakan, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam tawaran kempen ini.

8) Bagaimanakah dan bilakah hadiah akan diterima??

- a. Anda akan menerima emel pemberitahuan di alamat emel anda yang berdaftar dengan Maybank.
- b. Anda mesti mengesahkan minat melalui pautan URL yang disediakan dalam emel tersebut.
- c. Kod promosi untuk QRPay Soundbox akan dihantar dalam tempoh lima belas (15) hingga dua puluh (20) hari bekerja dari tarikh Maybank menerima pengesahan daripada anda.
- d. Untuk menebus Soundbox, anda mesti membelinya melalui platform Sama-Sama Lokal di aplikasi MAE dan memasukkan kod promosi semasa proses daftar keluar.
- e. Kod promosi hanya sah untuk model Soundbox yang dijual oleh Naga Plus Resources (Reg. No.: 202001041701) di bawah nama produk: **"SME Digital Soundbox Offer (Eksklusif Kempen)"**.
- f. Penghantaran dan pemasangan Soundbox akan diuruskan sepenuhnya oleh Naga Plus Resources. Caj penghantaran adalah berbeza dan akan ditanggung oleh anda.

- g. Tempoh pemasangan adalah sehingga sepuluh (10) hari bekerja, tertakluk kepada ketersediaan stok dan lokasi pemasangan.
- h. Kod promosi mesti ditebus pada atau sebelum 30 April 2026. Kod promosi yang telah tamat tempoh tidak akan diganti, dilanjutkan atau dikeluarkan semula.
- i. Untuk SME Partner Tools, rakan penyelesaian yang berkaitan akan menghubungi anda melalui telefon untuk mengesahkan minat serta membantu anda melalui proses permohonan dan pendaftaran pelanggan.

9) Adakah terdapat had untuk kod promo QRPay Soundbox?

Ya. Kod promo QRPay Soundbox adalah terhad kepada 500 Pelanggan yang Layak pertama sahaja, berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Setelah had tersebut dicapai, tiada lagi kod promo akan dikeluarkan.

10) Apakah bahasa yang disokong oleh QRPay Soundbox?

Soundbox menyokong Bahasa Malaysia, Inggeris, dan Mandarin. Anda boleh memilih bahasa yang dikehendaki semasa proses daftar keluar. Selain itu, anda juga boleh menukar bahasa pada bila-bila masa dengan menekan dan menahan butang penurunan bunyi (volume down) selama kira-kira 5 saat.

11) Siapakah yang boleh saya hubungi untuk sokongan teknikal?

Maybank tidak menyediakan sokongan teknikal untuk QRPay Soundbox. Untuk bantuan, sila hubungi vendor berikut:

Naga Plus Resources Khidmat Pelanggan

 +6017 8692 638

 9.00 pagi – 6.00 petang (Isnin hingga Ahad)

 soundbox@nagaplus.my

12) Di manakah Terma & Syarat penuh boleh dirujuk?

Terma & Syarat penuh boleh didapati di **halaman Promosi Kempen**. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, Terma & Syarat rasmi akan diguna pakai dan mengatasi Soalan-Soalan Lazim.

13) Bagaimana saya boleh mendaftar atau mendapatkan maklumat lanjut?

Sila layari **halaman Promosi Kempen** atau hubungi Maybank melalui:

 onlineSMEloan@maybank.com

 1300-80-8668

Nota: Soalan-Soalan Lazim ini disediakan sebagai panduan umum sahaja dan tidak bertujuan untuk menggantikan Terma & Syarat rasmi. Terma & Syarat rasmi akan mengawal dan terpakai sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang percanggahan.